

# Satu Hati Satu Keluarga

Sejak dimulakan sebagai sebuah pertubuhan wanita hampir 70 tahun lalu, Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) kian dikenali sebagai pertubuhan yang berusaha gigih untuk bekerjasama dengan wanita daripada setiap lapisan usia, mendukung pelbagai peranan mereka dalam masyarakat. Antara tiga tumpuan utama PPIS ialah khidmat keluarga, yang kini telah disepadukan untuk memberikan khidmat menyeluruh selain memenuhi permintaan masyarakat yang kian berubah.

## Kisah keluarga Cik Shafiqah

**1**  
Cik Shafiqah, 35 tahun, bertugas sebagai kerani di sebuah firma guaman. Beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Nazri, yang ditemuinya menerusi seorang kenalan rapat.

Berbeza dengan Cik Shafiqah, Encik Nazri, 45 tahun, pernah berkahwin dan mempunyai seorang anak perempuan berusia 20 tahun bernama Sarah.

**2**  
Sebelum mendirikan rumah tangga, Cik Shafiqah dan Encik Nazri telah memanfaatkan program PPIS dengan mengikuti program perkahwinan semula di pusat Vista Sakinah PPIS.

**3**  
Pelbagai onak dan duri perlu dilalui pasangan yang baru bernikah ini.

Pada awal perkahwinan mereka, Encik Nazri, yang bertugas sebagai penyelia kilang, hilang pekerjaan selepas syarikat yang menggajikannya jatuh muflis.

Masalah kewangan yang menyusul, menambah tekanan kepada perkahwinan baru itu.

**4**  
Cik Shafiqah juga sedang berusaha membina hubungan yang baik dengan anak perempuan tirinya, Sarah.

**5**  
Mujurlah, keluarga itu memutuskan untuk mendapat bantuan awal, yang diterima melalui sokongan kaunseling dan khidmat pekerja sosial di Pusat Khidmat Keluarga (FSC) PPIS.

**6**  
Sebenarnya, ini bukan kali pertama Cik Shafiqah meraih manfaat daripada program PPIS.

Ibu beliau, Cik Jumainah, 60 tahun, seorang ibu tunggal, pernah mendapat sokongan menerusi program pusat As-Salaam PPIS.

**7**  
Kini, keluarga Cik Shafiqah lebih stabil selepas Encik Nazri mendapat kerja baru dan hubungannya dengan Sarah juga bertambah baik. Malah, Sarah, yang masih dianggap muda, telah bercadang untuk mendirikan rumah tangga. Sebagai persiapan, beliau dan bakal pasangannya telah menghadiri program di pusat INPIRASI PPIS.

**8**  
Dalam pada itu, Encik Nazri, yang kini lebih arif tentang program-program yang disediakan PPIS menghubungkan abangnya, Encik Aziz, yang ingin mengambil anak titipan dengan pusat Oasis PPIS.

**VISTA SAKINAH**

Vista Sakinah menawarkan khidmat khusus bagi menyiapkan dan mengukuhkan perkahwinan semula dengan memberi sokongan kepada keluarga tiri. Ia juga menyediakan latihan dan runding cara kepada para karyawan tentang cara-cara bekerjasama dengan keluarga tiri.

**Pusat Vista Sakinah PPIS,**  
Blk 549 Woodlands Drive 44 #01-86, Singapura 730549

6891 3090 | [vistasakinah@ppis.sg](mailto:vistasakinah@ppis.sg)

**OASIS**

Oasis menyediakan khidmat terapi dan sokongan kepada ibu bapa titipan dalam menghidupkan persekitaran rumah yang selamat dan stabil bagi kanak-kanak. Ia juga membantu memudahkan proses titipan dan membantu kanak-kanak ini mencapai potensi dan aspirasi mereka.

**Pusat Oasis PPIS,**  
Blk 41 Chai Chee Street #01-16, Singapura 461041

6817 6150 | [oasis@ppis.sg](mailto:oasis@ppis.sg)

**PUSAT KHIDMAT KELUARGA (FSC)**

Kedua-dua Pusat Khidmat Keluarga (FSC) PPIS di timur dan barat Singapura menyediakan khidmat-khidmat sosial seperti kaunseling kepada individu dan keluarga. Ini termasuk bagi klien yang menghadapi isu seperti keganasan dalam keluarga, memerlukan sokongan berhubung keibubapaan atau pengurusan anak. Ia menggunakan pendekatan kerja secara berkumpulan dan kerja masyarakat dalam membantu para klien menyokong satu sama lain.

**Pusat Khidmat Keluarga (FSC) PPIS di Timur,**  
Wisma Geylang Serai, 1 Engku Aman Turn #03-01, Singapura 408528

6950 3503 | [fsceast@ppis.sg](mailto:fsceast@ppis.sg)

**Pusat Khidmat Keluarga (FSC) PPIS di Barat,**  
Blk 301, Bukit Batok St 31 #01-01, Singapura 650301

6561 3462 | [fscwest@ppis.sg](mailto:fscwest@ppis.sg)

**INSPIRASI**

INSPIRASI PPIS bertujuan membantu pasangan muda menyiapkan bahtera perkahwinan mereka. Selain program persiapan perkahwinan, pelbagai aktiviti pengayaan semasa tempoh 10 tahun pertama berumah tangga, termasuk khidmat kaunseling turut disediakan.

**Pusat INSPIRASI PPIS,**  
Blk 322 Bukit Batok Street 33 #01-16, Singapura 650322

6561 1049 | [inspirasi@ppis.sg](mailto:inspirasi@ppis.sg)

**AS-SALAAM**

Sebagai Agensi Pakar Sokongan Perceraian (DSSA), As-Salaam ditubuhkan untuk membantu keluarga ibu bapa tunggal membina semula kehidupan mereka melalui khidmat kaunseling dan program-program seperti 'PACT' Keibubapaan dan Kanak-Kanak dalam Perantaraan (CiB). Kakitangan di pusat ini dienkapi pengetahuan dan kemahiran dalam menangani isu-isu perceraian.

**Pusat As-Salaam PPIS,**  
Blk 41 Chai Chee Street, #01-16, Singapura 461041

6745 5862 | [as-salaam@ppis.sg](mailto:as-salaam@ppis.sg)

**AKADEMI SYM**

Akademi SYM menawarkan khidmat terapi kekeluargaan yang mendukung kaedah sistemik kepada individu, pasangan dan mereka yang berkeluarga. Program pembangunan keluarga yang dijalankan bertujuan membaiki cara pemikiran demi meningkatkan daya tahan psikososial setiap individu dan keluarga.

Akademi SYM juga menyediakan latihan pendekatan sistemik khas untuk para profesional yang menyediakan khidmat kepada keluarga. Ini termasuk khidmat pengawasan klinikal dan pembelajaran lanjutan bagi mereka yang melakukan kajian dalam bidang kekeluargaan.

**Akademi SYM,**  
Blk 1 Eunos Crescent #01-2509, Singapura 400001

6745 0613 | [hello@sym.academy](mailto:hello@sym.academy)

Imbas di sini untuk derma kepada PPIS melalui PayNow

Satu Hati Satu Keluarga bersama PPIS. Lungsuri [www.ppis.sg/family-services](http://www.ppis.sg/family-services)

[www.ppis.sg](http://www.ppis.sg)  
/ppis.sg  
@ppisg